

CNS8250

U GR 24-05 00157 RA923

Aah

Mahathir - Kebebasan

T

MRT, 24 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, negara-negara kuat cuba menyekat kebebasan antarabangsa dengan campur tangan dalam hal ehwal negara-negara kecil.

Negara-negara besar mempunyai kecenderungan untuk menindas negara-negara kecil, kata beliau sambil menambah, +di mana letaknya kebebasan jika apa yang ingin dilakukan oleh negara-negara kecil disekat oleh mereka.+

Beliau mengulas laporan yang dikeluarkan oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) semalam yang mengkatégorikan Malaysia sebagai negara yang mempunyai tahap kebebasan yang rendah walaupun mempunyai tahap pembangunan kemanusiaan yang tinggi berbanding dengan negara-negara lain.

Laporan Pembangunan Kemanusiaan UNDP 1991 meletakkan Malaysia ditempat ke-55 antara 88 negara dalam indeks kebebasan kemanusiaan yang diperkenalkan buat kali pertama.

Ketika bercakap kepada penerita di sini, Perdana Menteri berkata laporan itu tidak adil kerana ia hanya menyentuh kebebasan rakyat dan bukannya antara negara-negara yang kini terjejas. -- Lagi.

♥24/05/90-04MST

CNS8252

U GR 24-05 00136 RA924

Aah

Mahathir - Kebebasan 2 Miri

Beliau memberi contoh cadangan Malaysia untuk menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EARG) yang ditentang oleh sesetengah negara kuat.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, nampaknya apa jua perkara yang ingin dilakukan oleh negara-negara kecil mesti dirujuk kepada mereka.

+Jadi di mana letaknya demokrasi,+ tanya Perdana Menteri, sambil menambah bahawa Malaysia tidak mendakwa untuk menjadi sebuah kuasa tetapi jelas +mereka adalah satu kuasa di rantau itu.+

Katanya, Malaysia mempunyai kebebasan kemanusiaan tetapi ini tidak bermakna kebebasan untuk mengadakan rusuhan di jalan-jalan raya dan membakar rumah.

Beliau mempersoal kebebasan yang diamalkan oleh media antarabangsa yang sering tidak memasukkan apa sahaja fakta yang dikatakan oleh beliau tetapi masih boleh menulis perkara-perkara yang kotor mengenai Malaysia yang tidak boleh dijawab balik. -- Lagi.

♥24/05/90-11MST

CNS8253

U GR 24-05 00143 RA925

Aah

Mahathir - Kebehasan 3 Miri

Perdana Menteri berkata, rakyat di negara ini berpuas hati dengan kebebasan mereka. Beliau lalu bertanya sama ada terdapat sebarang kebebasan ketika penjajah memerintah negara ini.

+Adakah mereka membenarkan kita melantik wakil-wakil kita? Tetapi apabila kita memerintah sendiri, mereka membicarakan tentang kebebasan, + kata Perdana Menteri, sambil menambah, pihak penjajah pernah memberkas orang ramai dan tidak memberi mereka kuasa untuk memerintah negara ini.

+Tiha-tiha apabila kita mencapai kemerdekaan, mereka menyoal kebebasan kita, + tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam sesetengah negara Barat pihak pendatang yang mempunyai warna kulit yang berlainan tidak mempunyai sebarang kebebasan dan sebaliknya ditindas.

Katanya, orang asli di Australia diberi layanan teruk dan pernah +ditembak seperti anjing+ manakala di negara ini orang aslinya diberi layanan baik serta disediakan penjagaan kesihatan dan perubatan. -- Lagi.

♥24/05/20-14MST

CNS8255

U GR 24-05 00145 RA926

Aah

Mahathir - Kebehasan 4 Miri

+Orang asli di Australia tidak mempunyai pendidikan, di ambang maut, kerap ditahan dan dimasukkan ke dalam penjara. Walaupun jumlah mereka adalah kecil, tetapi jumlah mereka dalam penjara Australia adalah banyak dan mereka sering menggantung diri mereka di penjara, + katanya.

Perdana Menteri berkata, orang asing berpendapat mereka boleh mentadhir negara ini lebih baik daripada rakyat Malaysia sendiri tetapi mereka tidak boleh pun mentadhir negara mereka sendiri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebuah majalah antarabangsa, The Economist, melaporkan bahawa kereta Proton Saga ialah kereta Jepun tetapi Britain telah mengeksport kereta-kereta Nissan buatan Jepun sebagai kereta buatan Britain.

Katanya, satu jenama kereta buatan Jepun +Honda Legend+ yang diimport oleh Britain telah dicap sebagai +Sterling.+

Perdana Menteri juga berkata, orang Britain cuba memperkecil-kecilkan industri Malaysia dengan mengimport teknologi Jepun. -- Bernama.

♥24/05/20-18MST